

KENG YAIK SUDAH BUAT KEPUTUSAN SAMY VELLU BILA LAGI?


Oleh: **PEMERHATI POLITIK** Era Baru - 20/4/2007

PRESIDEN Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, sudah membuat keputusan yang muktamad dengan meletakkan jawatan sebagai Presiden Parti itu mulai 8 April 07 ini setelah berkhidmat dengan Parti itu selama 28 tahun. Beliau menjelaskan bahawa beliau mahu bersara dari jawatan itu bukan disebabkan yang beliau sudah tua atau berumur, tetapi disebabkan beliau sudah begitu lama memegang jawatan tersebut sehingga tidak memberi peluang kepada orang lain dan yang lebih muda, mempunyai intelek dan visi serta berwawasan.


Ekoran dari perkembangan ini ahli-ahli politik tanah air sudah mula tertanya-tanya bila pula agaknya Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu akan membuat keputusan yang serupa? Samy Vellu pun sebenarnya telah begitu lama berada dalam kabinet dan menerajui MIC. Timbalannya Dato' S. Subramaniam cuba mencabar beliau tetapi tidak diberi peluang langsung olehnya maka kedudukan Samy Vellu terus selamat sehingga kini.

Sementara itu, difahamkan dari bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, apabila beliau mengambil keputusan untuk mengundur diri setelah berkhidmat selama 22 tahun dan menyerahkan kuasa sepenuhnya kepada Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, ada beberapa anggota menteri yang berjanji dengan Dr Mahathir mereka juga akan meletakkan jawatan bersama Dr Mahathir.

Malangnya, tidak seorang pun yang sanggup mengikuti jejak langkah Tun Dr Mahathir. Sudah menjadi perkara biasa iaitu bukan perkara mudah bagi seseorang pemimpin yang mempunyai kuasa dan kedudukan penting dalam parti dan Kerajaan



Tun Dr Mahathir Mohamad




Datuk Seri S. Samy Vellu

untuk meletakkan jawatan.

Justeru, mereka akan memberi pelbagai alasan untuk tidak melepaskan jawatan mereka dan hanya pemimpin seperti Tun Dr Mahathir Mohamad dan Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik yang sadar yang mereka sudah begitu lama memegang jawatan atau dalam bahasa Inggerisnya "have overstayed their welcome", sanggup mengundurkan diri dan ketika nama mereka masih harum dan dihormati.

Diucapkan selamat bersara kepada Presiden Parti Gerakan itu yang jelas dilihat tidak tamak kuasa dan memberi peluang kepada orang lain yang lebih muda dan mampu untuk menunjukkan keupayaan mereka masing-masing untuk memimpin Parti dalam Barisan Nasional.



Presiden GERAKAN, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik... sudah membuat keputusan yang muktamad dengan meletakkan jawatan sebagai Presiden Parti itu mulai 8 April 2007